



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 13 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



13/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KAJIAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN KOMPETENSI KERJA SOSIAL NEGARA, SIAP 2027		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kajian-pembangunan-piawaian-kompetensi-kerja-sosial-negara,-siap-2027	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2489991	BERNNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/12/kajian-kerja-sosial-malaysia-siap-2027-nancy	TVSARAWAK.MY	
	https://majalahpama.my/kasih-keluarga-bahagia-bersama-usaha-kpwkm-perkukuh-institusi-keluarga-di-malaysia/	MAJALAHPAMA.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2489988	BERNNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/study-on-social-work-competency-standards-to-be-ready-by-2027/	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-pembangunan-piawaian-kompetensi-kerja-sosial-malaysia-siap-2027-nancy-shukri-547287	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/piawaian-kompetensi-kerja-sosial-malaysia-dijangka-siap-2027/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	WOMEN MPS, DIPLOMATS UNITE TO ADVANCE GENDER EQUALITY		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1313514/women-mps-diplomats-unite-advance-gender-equality	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	1,000 ANGGOTA, 174 ASET SIAP SIAGA HADAPI MTL DI GUA MUSANG		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1286616/1000-anggota-174-aset-siap-siaga-hadapi-mtl-di-gua-musang	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



13/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	TIDAK MENGAKU 'USIK' ADIK IPAR DI KAWASAN AIR TERJUN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/12/pemuda-didakwa-noda-sentuh-adik-ipar-16-tahun/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kajian Pembangunan Piawaian Kompetensi Kerja Sosial negara, siap 2027

Nasional - Dicipta: 12 November 2025 08:31 PM



Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR, 12 November – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Institut Sosial Malaysia (ISM), sedang menyiapkan Kajian Pembangunan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial Malaysia.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata kajian yang dijangka siap menjelang tahun 2027 itu, bertujuan memartabatkan profesion kerja sosial di negara ini, sekali gus membolehkan setiap pekerja sosial dilengkapi dengan kompetensi yang kukuh, beretika tinggi dan berkesan dalam membantu masyarakat memerlukan.

"Inilah pendekatan baharu ISM yang mahu menjadikan bidang kerja sosial di Malaysia diiktiraf sebagai profesion yang berasaskan ilmu, data dan bukti, tanpa menghilangkan nilai empati dan kemanusiaan. Menerusi 'inspire talk' dan 'podcast inspire 2025,' kita mendengar suara anak muda dalam membincangkan isu kesihatan mental, buli dan daya tahan sosial. Suara-suara inilah penting dan perlu didengari, kerana merekalah yang akan membentuk masa depan negara," katanya.

Beliau berucap pada majlis perasmian Program ISM Inspire 2025 di sini, yang menjadi platform penting memperkasa suara belia serta memupuk kesedaran sosial ke arah masyarakat yang lebih prihatin dan berdaya tahan.

Program ISM Inspire 2025 turut dihadiri Pengarah ISM Norhaslinda Mohd Sibi.

Seramai 500 peserta hadir memeriahkan program tersebut yang merupakan sebahagian daripada ekosistem pembangunan sosial, dan dirangka bagi memperkukuh kesejahteraan masyarakat, selaras Rancangan Malaysia Ke-13 dan Dasar Sosial Negara 2030.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 5 PEMBANGUNAN KPWK, PERKASA KAMPUNG PASIR PEKAN TENGAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 13 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

5 pembangunan KPWK, perkasa Kampung Pasir Pekan Tengah

Kementerian sedia dana RM2.5j fokus kesejahteraan wanita, OKU, warga emas dan kanak-kanak

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Kampung Angkat MADANI terus memberi manfaat kepada komuniti luar bandar, termasuk Kampung Pasir Pekan Tengah di Tumpat, Kelantan yang dipilih sebagai kampung angkat bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Ketua Setiausaha KPWK, Datuk Dr Maziah Che Yusoff, berkata menerusi peruntukan berjumlah RM2.5 juta, lima aspek pembangunan berjaya dilaksanakan, merangkumi logistik, ekonomi, kesihatan, pengukuhan ukhwah dan psikososial.

"Program Kampung Angkat MADANI memberi fokus kepada kesejahteraan golongan sasaran seperti wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU)."

"Kampung Pasir Pekan Tengah dipilih kerana lokasinya yang strategik dan berpotensi tinggi untuk dimajukan. Ia tidak jauh daripada kawasan bandar, tapi kemudahan agak terhad seperti kemudahan lampu jalan dan transportasi serta kedudukan di tepi sungai boleh menarik minat untuk dibangunkan dari segi penjaan ekonomi," katanya.

Tambahnya, pembangunan fizikal seperti pembinaan jeti, ponton dan gazebo biokomposit dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia menjadi antara tarikan pelancong sekaligus membuka peluang ekonomi baharu kepada penduduk.

"KPWK turut berkolaborasi dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui projek ternakan ikan sangkar bagi memperkukuh sumber pendapatan komuniti setempat serta pembinaan lampu solar dan kemudahan awam seperti ruang rekreasi dan susur jalan kaki sepanjang 500 meter.

"Aspek kesejahteraan sosial turut diberi penekanan melalui pelbagai program seperti Zinah Kasih, Gotong-Royong MADANI serta Penubuhan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak di kampung berkenaan.

"Apabila dilihat ramai warga emas dalam komuniti kampung berkenaan, KPWK mengambil inisiatif memperkenalkan salah satu program di bawahnya, iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

153 PAWE di seluruh negara

"Setakat ini, terdapat sebanyak 153 PAWE di seluruh negara, namun kampung berkenaan belum mempunyai satu pun pusat seumpamanya.

"Memandangkan PAWE memerlukan lokasi khusus bagi menjalankan pelbagai aktiviti untuk warga emas, kampung ini dipilih sebagai tempat pertama di negara ini untuk memperkenalkan konsep PAWE 3A, yang bermaksud *anytime, anywhere, anyplace*," katanya.

Maziah berkata, Program Kampung Angkat MADANI wajar diperluaskan ke lebih banyak kawasan selepas melihat



keberkesanan dan sambutan positif daripada penduduk setempat.

Bellau berkata, inisiatif itu bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal, malah turut menekankan aspek kesejahteraan sosial dan psikososial penduduk luar bandar.

"Jika boleh, kita mahu pro-

gram seperti itu dilaksanakan di lebih banyak kampung. Pendekatan itu ternyata disukai dan dimanfaatkan oleh penduduk kerana ia bukan hanya melibatkan pembangunan infrastruktur, tetapi juga memenuhi keperluan asas dan sosial masyarakat.

Pelaksanaan program berkenaan memberi ruang kepada ke-

menterian untuk menterjemahkan dasar-dasar di bawah portfolio KPWK kepada tindakan di peringkat akar umbi, termasuk pelaksanaan inisiatif di bawah Akta Kanak-Kanak, Akta Penjagaan serta Akta Pusat Jagaan.

Menurutnya, pendekatan yang diambil melalui Kampung Angkat MADANI turut menekankan elemen psikososial sebagai komponen penting dalam pembangunan komuniti, selaras dengan aspirasi KPWK untuk memastikan kesejahteraan rakyat tidak hanya diukur melalui kemajuan fizikal semata-mata.

"Harapan kita agar setiap kampung angkat, sama ada di bawah KPWK atau kementerian lain, dapat mencontohi pendekatan ini supaya pembangunan insan dan kesejahteraan masyarakat dapat dicapai secara holistik," katanya.

"Kampung Pasir Pekan Tengah dipilih kerana lokasinya yang strategik dan berpotensi tinggi untuk dimajukan. Ia tidak jauh daripada kawasan bandar, tapi kemudahan terhad"



Dr Maziah Che Yusoff,
Ketua Setiausaha KPWK



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Women MPs, diplomats unite to advance gender equality

By **Hazveen Hassan** November 12, 2025 @ 3:33pm



The programme provided a platform for dialogue and the exchange of views on policies, strategies, and best practices to strengthen gender-responsive policies, empower women, protect children, and reinforce family institutions at both national and international levels - NSTP FILE PIC

KUALA LUMPUR: The Parliament today saw the Women, Children and Community Development Select Committee (WCCDSC) host a diplomatic networking session between women members of parliament and foreign diplomats, supporting efforts to create a just, inclusive, and prosperous society.

The programme provided a platform for dialogue and the exchange of views on policies, strategies, and best practices to strengthen gender-responsive policies, empower women, protect children, and reinforce family institutions at both national and international levels.

Held over lunch at the Parliament's Banquet Hall, the event brought together women MPs, ambassadors, chargés d'affaires, and heads of organisations involved in women's empowerment and community development.

It was hosted in collaboration with the Women Heads of Missions in Malaysia (Wohomy).

The event was launched by Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Johari Abdul, while Puchong MP and WCCDSC chairman Yeo Bee Yin welcomed participants and highlighted the importance of such networking initiatives.

The programme also featured interactive activities, including the "Diplomatic Connections: Business Card Challenge," designed to foster closer relationships among women leaders in a friendly, informal setting.

Yeo said the event not only encouraged the exchange of ideas and experiences but also symbolised a shared commitment to strengthening parliamentary diplomacy and expanding international cooperation based on inclusivity and empathy.

She said that collaboration across borders and sectors enables women to not just discuss change, but create meaningful change.

The initiative aims to build a stronger, sustainable diplomatic network between women MPs and the diplomatic community in Malaysia, supporting efforts to create a just, inclusive, and prosperous society.

Among those present were Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, Deputy Communications Minister Teo Nie Ching, Deputy Housing and Local Government Minister Datuk Aiman Athirah Sabu, Bukit Bendera MP Syerleena Abdul Rashid, and Masjid Tanah MP Datuk Mas Ermeyati Samsudin.

Foreign ambassadors who attended included Romanian Ambassador to Malaysia Her Excellency Nineta Bărbulescu, who is also Wohomy's coordinator, and Australian High Commissioner Danielle Heinecke.

The WCCDSC will host a similar dialogue session tomorrow, responding to calls for greater women's representation in parliament.

Female political leaders from both government and opposition parties have urged stronger efforts to achieve the minimum target of 30 per cent women's representation in politics.

The proposed quota aims to boost the involvement of women leaders in state legislatures, parliamentary sessions, and the Dewan Negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1,000 anggota, 174 aset siap siaga hadapi MTL di Gua Musang

Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my



Gua Musang : Hampir 1,000 keanggotaan dan 174 aset di daerah ini sudah dalam keadaan bersedia bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula esok.

Pengerusi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Gua Musang, Mohd Roshdi Ismail berkata, kesiapsiagaan sudah dibuat dengan mempersiapkan 174 aset dan hampir 1,000 pegawai dan anggota untuk berkhidmat sepanjang MTL.

Ia membabitkan 24 agensi dengan tujuh jenis aset termasuk bot, ambulans, lori dan pacuan empat roda.

"Alhamdulillah, kami di peringkat daerah kini sudah bersiap sedia untuk menghadapi MTL pada tahun ini dan saya sendiri sudah melihat persiapan aset dan bakul makanan daripada pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk diagihkan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

"Saya difahamkan bantuan daripada pihak NADMA ini sudah sampai sejak seminggu lalu yang membabitkan makanan retort serta barangan asas lain antaranya gula, bihin dan biskut. Pihak NADMA sudah membekalkan 400 bakul makanan bagi persiapan MTL tahun ini.

"Selain itu 174 aset daripada 24 agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Bomba dan Pejabat Tanah Jajahan Gua Musang (PTJGM) kini sudah dalam kerana bersiap sedia," katanya ketika ditemui di sini.

Mohd Roshdi berkata, sebagai persiapan awal juga pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah membuat penghantaran ke 24 pangkalan hadapan sebagai persediaan menghadapi MTL.

Menurut beliau persiapan menghadapi MTL sememangnya dilakukan setiap tahun di daerah ini bagi menghadapi sebarang kemungkinan banjir besar berlaku.

"Kita sudah mula menghantar bantuan di 24 pangkalan hadapan di daerah ini bermula penghujung bulan lalu yang akan diagihkan kepada 58 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekiranya berlaku bencana banjir.

"Selain itu saya juga ingin meminta kerjasama daripada orang ramai yang terlibat dengan banjir untuk memuat turun aplikasi MyIBJKM untuk memudahkan urusan pendaftaran di PPS" katanya.

Mohd Roshdi berkata, selain itu sebagai persediaan awal juga pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah memeriksa dan menyelenggara 16 siren banjir di daerah ini.

Katanya, kerjasama daripada pelbagai dalam membuat persediaan awal bagi menghadapi MTL sangat dihargai PKOB

"Saya difahamkan 16 siren banjir di beberapa kawasan di daerah ini sudah berada dalam keadaan baik dan akan berfungsi apabila air sungai naik yang boleh menyebabkan banjir berlakunya.

"Malah saya sangat hargai kerjasama dan perhatian daripada pelbagai agensi bagi membantu kami membuat persiapan awal MTL untuk tahun ini," katanya.

Beliau turut menasihatkan penduduk di daerah ini terutama yang tinggal di kawasan rendah untuk sentiasa berwaspada dengan keadaan cuaca hujan yang boleh menyebabkan banjir berlaku dan sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa untuk berpindah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TERTUDUH dibawa keluar selepas didakwa di Mahkamah Sesyen di Raub hari ini atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual terhadap adik iparnya April lalu.

Tidak mengaku 'usik' adik ipar di kawasan air terjun

Oleh NORFARHIZA MOHD ATAR 12 November 2025, 4:57 pm

RAUB – Seorang pemuda mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual dan merogol adik iparnya yang berusia 16 tahun di Karak, Bentong awal tahun ini.

Tertuduh yang berusia 22 tahun membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Noor Zaihan Mohamad Ali.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa di sebuah flat pada pukul 11.15 pagi, 9 April lalu dan di kawasan air terjun pukul 5.30 petang, 25 Oktober lalu.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Untuk pertuduhan ketiga, lelaki itu didakwa merogol mangsa di flat sama pada pukul 9.30 pagi, 11 April lalu dan dituduh mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Hakimie Ab. Hadi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam. Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 19 Januari 2026 untuk sebutan semula kes. – KOSMO! ONLINE